



TERDAPAT lebih 13 juta buruh kanak-kanak di seluruh India dan biasanya tenaga mereka diperah hampir 15 jam sehari.

Isu lapuk buruh kanak-kanak di India

u.m M/21
6.2.07

BHOLA (paling kiri) menjadi buruh sejak dua tahun lalu tanpa sebarang bayaran dan bernasib baik kerana diselamatkan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan.



BUDAK lelaki 12 tahun itu bekerja lebih 15 jam sehari sejak dua tahun lalu. Dia bekerja tanpa sebarang bayaran dan tidak dibenarkan melawat ibu bapanya.

Bagaimanapun nasib Bhola terbelah pada akhir Disember lalu apabila sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membebaskan 50 buruh kanak-kanak termasuk dirinya.

Kesemua budak lelaki yang berusia antara lapan hingga 14 tahun itu adalah anak-anak kepada buruh-buruh ladang yang miskin di negeri Bihar, India.

Mereka telah dibawa ke New Delhi untuk bekerja di sebuah kilang pembuatan fabrik sulam yang dikenali sebagai zari.

Pembuatan pakaian itu memerlukan penggunaan gantikan sintetik dan jarum halus yang sering mendatangkan kecederaan ke atas kanak-kanak terhabit.

"Kami membebaskan 50 kanak-kanak ini selepas beberapa orang bapa berjumpa kami dan mengadu yang mereka gagal menemui anak mereka," kata Kailash Satyarthi dari Bachpan Bachao Andolan atau Misi Menyelamatkan Kanak-Kanak.

Bhola dan rakan-rakannya memberitahu, mereka kerap ditampar atau dipukul dengan tali pinggang kulit.




BURUH kanak-kanak sering dijadikan mangsa penderaan dan ada ketikanya taraf mereka seperti hamba abdi.

u.m m/s 22 6.2.07

Sehingga kini dianggarkan lebih 13 juta buruh kanak-kanak di seluruh India terutama dalam industri tenunan permaidani atau industri yang lebih berbahaya seperti pembuatan kaca.



I AM A GIRL
DON'T ABUSE ME
I AM BOON
FOR ALL



KEMPEN mendesak penguatkuasaan antiburuh kanak-kanak di harap bakal membela jutaan kanak-kanak malang di India dan di seluruh dunia.

"Mereka bekerja selama dua tahun tanpa bayaran dan sesungguhnya ia adalah perhambaan zaman moden.

"Kerajaan perlu lebih tegas kerana di banyak tempat di negara ini, undang-undang buruh kanak-kanak sering diabaikan bahan jenaka," kata Satyarthi.

Dakwaan ke atas pemilik kilang-kilang tersebut telah difailkan, namun ketiga-tiga mereka telah melarikan diri. Tiada maklumat lanjut diperoleh dan

Satyarthi berkata, mereka mungkin bebas dengan pertolongan polis.

Bhola menceritakan, dia bekerja dari pukul 8 pagi sehingga tengah malam hampir setiap hari dan diperuntukkan dua waktu makan yang singkat.

Pada waktu malam, seramai 15 hingga 20 orang buruh kanak-kanak tidur di tempat mereka bekerja.

"Sekiranya kami membuat silap, pemilik kilang akan memukul kami de-

ngan tali pinggang dan tidak diberi makan," kata Bhola.

Bersetuju

Bapanya, Ram Munyasa bersetuju menghantar Bhola ke New Delhi apabila orang tengah memberitahu anaknya itu akan mendapat pendidikan dan gaji bulanan sehingga RM238 hingga RM317 (3,000 hingga 4,000 rupee) sebulan.

"Orang tengah memberitahu Bhola akan belajar di waktu pagi dan bekerja dua atau tiga jam pada sebelah petang.

"Namun selepas beberapa bulan, Bhola masih belum menghantar wang dan dia memberitahu anak saya itu belum mula bekerja dan dia menghilang diri selepas itu.

"Akhirnya saya datang ke New Delhi untuk mencari Bhola kerana kami tidak lagi mendengar khabar tentangnya hampir dua tahun," kata Munyasa.

Rakan Bhola, Ashraf, 11, masih belum ditemukan dengan ibu bapanya dan akan diletakkan di bawah jagaan kanak-kanak.

"Saya mahu pulang dan berjumpa dengan ibu saya," ujarnya ketika ditanya mengenai apa yang mahu dilakukan setelah dibebaskan.

Walaupun India menunjukkan kemajuan ekonomi yang pesat, buruh kanak-kanak masih lagi berleluasa waima telah diharamkan sejak tahun 1986.

Sehingga kini dianggarkan lebih 13 juta buruh kanak-kanak di seluruh India terutama dalam industri tenunan permaidani atau industri yang lebih berbahaya seperti pembuatan kaca.

India pada awal bulan lalu telah mengharamkan pengambilan pekerja berusia kurang 14 tahun sama ada untuk bekerja sebagai pembantu rumah, pembantu restoran, kedai kopi, hotel atau spa.

Namun undang-undang itu tidak dihiraukan di kebanyakan kilang kecil serta premis perniagaan di seluruh negara termasuklah dalam pembuatan mercun.

Pekerja muda ini bukan sahaja dibayar murah, malah ada ketikanya mereka tidak diberi makanan yang cukup dan kerap dipukul.

Pengkritik undang-undang buruh kanak-kanak India berkata, pengharaman tersebut tidak banyak membawa perubahan kepada realiti di negara itu.

Buruh kanak-kanak itu biasanya datang dari keluarga papa kedana dan tidak pernah bersekolah. Dalam banyak kes, merekalah satu-satunya penyumbang nafkah kepada keluarga. - AP



SEBAHAGIAN pelajar sekolah terlibat dalam tunjuk perasaan menentang buruh kanak-kanak di Siliguri, India.